

PEMERKASAAN BAHASA MELAYU DI ARENA ANTARABANGSA DEMI KEMAJUAN NEGARA BANGSA MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

Hashim Haji Musa
(Malaysia)

Pendahuluan: Isu Cabaran Kini ke atas Bahasa Melayu dan Pemeraksaannya

Bahasa Melayu (BM) kini sedang menghadapi cabaran yang sengit daripada bahasa Inggeris, iaitu bermula sejak tahun 1996, apabila Parlimen Malaysia meluluskan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550, Seksyen 17 (1)) dan Akta IPTS 1996 yang memberikan kuasa kepada Menteri Pendidikan atau Pelajaran Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar pendidikan tunggal negara. Susulan daripada itu, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) mula ditubuhkan dan sehingga kini beratus-ratus IPTS dengan ratusan ribu pelajar telah didirikan yang menggunakan sepenuhnya bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Ini telah menimbulkan gejala dualisme pendidikan yang genting.

Satu lagi kejutan besar yang melanda negara bangsa Malaysia ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains di semua sekolah di Malaysia bermula pada tahun 2003. Mata pelajaran Matematik dan Sains merupakan asas bagi semua kursus dalam bidang sains dan teknologi yang membawa implikasi bahawa semua pengajian dalam bidang sains dan teknologi di semua IPT termasuk IPTA berkemungkinan besar akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Ini akan membawa bahana yang serius ke atas sistem pendidikan dan seterusnya ke atas sosioekonomi, integrasi dan masa hadapan negara bangsa Malaysia. Isu ini akan menjadi bidang tumpuan kertas kerja ini, dan seterusnya akan dikemukakan juga keperluan dan strategi memperkasa kembali bahasa Melayu supaya terus menjadi bahasa yang terulung di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara dan seterusnya menjadi satu daripada bahasa dunia.

Pemeriksaan bermaksud menjadikan sesuatu itu berwibawa, dominan, kuat, hebat, terkenal, berdaulat, dan sebagainya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005:1189–1190). Oleh itu pemeriksaan bahasa Melayu bermaksud menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang hebat, terkenal, berdaulat dan dominan di dunia, hebat dari segi kandungan ilmunya, keintelektualannya, keluasan penggunaannya, nilai ekonominya, dan keterbacaannya. Apakah kedudukan begini boleh dicapai oleh bahasa Melayu memandangkan cabaran yang sengit sedang mengancam keberlangsungan statusnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan di Malaysia kini? Kedua-dua isu ini akan cuba digarap dan dibincangkan dalam kertas kerja ini.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Dunia dan Bahasa Antarabangsa serta Kendala-Kendala

Tidak dapat dinafikan bahawa BM dalam sejarahnya telah menjadi bahasa antarabangsa yang luas digunakan di rantau Asia Tenggara, iaitu sejak zaman Empayar Srivijaya sekitar abad ke-7 sehingga ke abad ke-19 apabila BM menjadi *lingua franca* bagi seluruh wilayah ini dalam urusan perdagangan dan perhubungan antarabangsa dan juga menjadi bahasa rasmi dan bahasa persuratan bagi pusat pemerintahan di seluruh rantau ini. Apabila orang Barat sampai ke wilayah ini, mereka mendapati bahawa BM sangat luas digunakan oleh pelbagai suku kaum, etnik, dan pusat-pusat kerajaan sama ada dalam perhubungan perdagangan ataupun surat-menyurat rasmi dan juga persuratan sehingga wilayah ini secara keseluruhan terkenal sebagai Kepulauan Melayu atau *the Malay Archipelago*. William Marsden seorang Paderi Kristian yang telah mengkaji BM dan menulis kamus dan tatabahasa BM, ketika mula-mula sampai di wilayah ini pada awal abad ke-19 mendapati bahawa:

“The Malayan language (BM) prevails throughout a very extensive portion of what is vaguely termed as the East Indies including the Malayan peninsula, together with the islands of Sumatra, Java, Borneo, Celebes and innumerable others, as far as to the eastward as the Moluccas, to the southward as the island of Timor,

*and to the northward as the Phillipines, formally collectively (called) the Malayan Arhipelago...the Malayan language (BM) is generally employed... as the medium of commercial and foreign intercourse, and every person of whatever nation, who frequents a port of trade must negotiate his business in this tongue, either speaking himself or employing an interpreter. From hence it is that, by comparison with a similar prevalence of a dialect of Italian or Catolonian along the shores of the Mediterranean, it has commonly received the appellation of the **lingua franca of the East.**”*

(William Marsden, 1812, *A Grammar of the Malayan Language*)

Suasana penggunaan BM sebagai *lingua franca of the East* berterusan berlaku sehinggalah permulaan abad ke-20 apabila kuasa penjajah Barat, iaitu Inggeris bagi Semenanjung Tanah Melayu dan utara Bornea, Belanda bagi kepulauan Sumatera, Jawa, selatan Borneo, Sulawesi, Maluku, Madura, dan Bali, dan Sepanyol bagi kepulauan Filipina, telah memaksa penggunaan bahasa mereka sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan ke atas jajahan takluk mereka itu. Maka bermulalah kemerosotan status BM sebagai *lingua franca* wilayah ini, dan sebagai bahasa rasmi kerajaan dan bahasa pengantar pendidikan. Bahasa penjajah, iaitu Inggeris di Malaya dan Borneo Utara, Belanda di Indonesia, dan Sepanyol di Filipina (kemudian bahasa Inggeris Amerika digunakan apabila dijajah oleh Amerika Syarikat) telah mengambil alih peranan itu. Hanya apabila kemerdekaan dicapai oleh Indonesia (1945), dan Tanah Melayu (1957), maka bahasa Melayu (bahasa Indonesia) telah mula dikembalikan statusnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan *lingua franca* di wilayah ini.

Namun di Malaysia kini, setelah 50 tahun merdeka dan 30 tahun pelaksanaan sepenuhnya dasar BM sebagai bahasa pengantar pendidikan di semua peringkat pengajian (sejak 1997). Dua perubahan besar telah berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pertama sejak tahun 1996 apabila Akta Pendidikan 1996 dan Akta IPTS 1996 diluluskan Parlimen, maka penubuhan ratusan IPTS dengan jumlah pelajar yang melebihi 300 000 menggunakan sepenuhnya bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan. Kedua ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains di semua sekolah di

Malaysia bermula pada tahun 2003. Mata pelajaran matematik dan sains merupakan asas bagi semua kursus dalam bidang sains dan teknologi, yang membawa implikasi bahawa semua pengajian dalam bidang sains dan teknologi di semua IPT termasuk IPTA berkemungkinan besar akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantarnya. Penggunaan bahasa Inggeris yang meningkat di IPTA terutama sekali dalam kursus berasaskan sains dan teknologi dan penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya di IPTS akan mengakibatkan pembudayaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, iaitu bidang yang kritikal dalam pembentukan pembangunan negara dan tradisi ilmu dan peradaban akan dilakukan dalam bahasa Inggeris, bukan bahasa tempatan atau indigenus. Dengan demikian telah muncul kembali suasana dualisme pendidikan seperti yang berlaku pada zaman penjajahan. Ini akan menimbulkan implikasi dan kesan yang serius ke atas dasar bahasa dan sosioekonomi rakyat jelata negara Malaysia, iaitu:

1. Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya akan mengetepikan status bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang terunggul dan tidak lagi dihormati rakyat jelata kerana kejatuhan nilainya, seperti yang diluahkan oleh YB Datuk Sri Dr. Rais Yatim “beberapa dasar yang diwujudkan secara mengejut meletakkan bahasa Melayu seolah-olah berada di tangga kambing, tidak lagi di tahap perdana.” (*Utusan Malaysia* Rabu 7 November, 2007, hlm. 27).
2. Proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Ini memerosotkan lagi kedudukan dan status bahasa Melayu dan menjadikannya bahasa yang rendah untuk komunikasi harian yang rendah tarafnya, manakala interaksi dalam wacana ilmiah dan ilmu pengetahuan yang tinggi, bahasa Inggeris akan digunakan yang

menjadikannya bahasa terunggul di Malaysia secara *de facto* mungkin tidak secara *de jure*.

3. Bahasa Melayu yang sehingga kini telah menjadi bahasa kebangsaan negara yang memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, bahasa yang membentuk asas jati diri negara Malaysia, sedikit demi sedikit akan kehilangan peranan itu kerana nilai, status dan penghormatan rakyat jelata terhadapnya akan menjadi semakin luntur dan seterusnya akan menghilang.
4. Penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas. Maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi akan berkisar hanya dalam kalangan mereka, manakala majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris sebaiknya, akan tertahan daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi dalam bahasa Inggeris, dengan itu sains dan teknologi tinggi tidak dapat mengalami proses pembudayaan yang meluas yang amat perlu untuk mencetuskan pembangunan menyeluruh sesebuah negara yang ditimba daripada Sumber Daya Tenaga Manusia seluruh rakyatnya.
5. Penguasaan bahasa Inggeris dan pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi oleh segelintir penduduk akan menjadikan mereka golongan elit, akan mengasingkan mereka daripada majoriti rakyat jelata dan menimbulkan jurang dan ketegangan sosial yang dahsyat, seperti yang pernah dinyatakan oleh *Indian Education Commission 1948*, iaitu:

"[the] use of English... divides the people into two nations, the few [English-speaking Indians] who govern and the many [non English-speaking Indians] who are governed".

Empat puluh tahun kemudian (pada tahun 1980-an) situasi ini telah mencetuskan ketegangan kelas “*stimulating tensions between the minority at the top who know English, and the many millions – armed with the vote – who do not*” (dipetik oleh S. Huntington, 1996:64). Situasi ini melahirkan dualisme pendidikan yang melahirkan pula dualisme sosial, iaitu golongan elit berpendidikan Inggeris dan golongan rendah tidak berpendidikan Inggeris, seperti dalam zaman penjajah.

6. Ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan yang disebutkan tadi, akan menjadi pemangkin pula pada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain, misalnya prasangka dan kebencian etnik dan perkauman, agama, mazhab dan ideologi, daerah dan wilayah, seperti yang berlaku di Pakistan, India, dan di negara-negara Afrika dan Amerika Selatan.
7. Penguasaan ilmu, sains dan teknologi yang tinggi, kemahiran dan kepakaran secara meluas dalam kalangan rakyat jelata, merupakan faktor utama dalam pembangunan Sumber Daya Tenaga Manusia sesebuah negara secara menyeluruh, yang menjadi faktor utama pada pembangunan dan kemajuan negara itu. Penyampaian dan pemahaman ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan kepakaran serta kemahiran dengan cara yang paling berkesan adalah dengan perantaraan bahasa kebangsaan atau tempatan rakyat jelata itu sendiri, bukannya sebuah bahasa asing. Inilah yang telah berlaku di negara-negara Eropah, Jepun, Korea, Cina Taiwan dan Republik Rakyat China, yang telah menggunakan bahasa kebangsaan atau tempatan mereka sendiri untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata mereka. Oleh yang demikian tulang belakang bagi pembangunan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat sesebuah negara ialah bahasa kebangsaan atau tempatan bagi Malaysia, Indonesia dan Brunei ialah bahasa Melayu, bukannya

bahasa Inggeris. Apabila bahasa Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi maka ilmu pengetahuan akan terhad kepada segelintir golongan elit *Englophile* dan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat jelatanya tidak dapat dibangunkan dan kemajuan serta pembangunan negara secara menyeluruh tidak akan tercapai.

8. Penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa bekas kuasa penjajah yang lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan seterusnya bahasa rasmi dan bahasa utama di nagara-negara membangun termasuklah Malaysia, akan selama-lamanya menjadikan negara-negara demikian mengalami sindrom “mentaliti budak jajahan” (*colonised mentality*). Ini disebabkan misi dan visi “tuan penjajahnya” (*colonial master*), seperti yang berlaku di negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Selatan dan Amerika Tengah yang menggunakan bahasa-bahasa bekas penjajah mereka (Inggeris, Sepanyol, Perancis atau Portugis) sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi. Walaupun sudah merdeka dari segi politiknya, tetapi dari segi ekonomi, pendidikan, sains, teknologi, nilai dan aspirasi, negara membangun senantiasa menjadikan senantiasa London, Washington, Paris, Lisbon dan Madrid sebagai sumber ilham dan panduan. Ringkasnya negara bangsa yang menggunakan bahasa asing sebagai pengantar pendidikan dan ilmu tinggi terutama sekali bahasa bekas penjajahnya, tidak mampu menjadi negara bangsa yang besar, bahkan sekadar meniru dan memimik secara palsu, lesu dan kaku negara tuan penjajahnya tanpa mempunyai jati diri, maruah, daya usaha, kreativiti dan citranya sendiri. Juga ciri-ciri peradaban Barat seperti ideologi, nilai, gaya hidup, seni dan rekreasi mereka akan ditebarkan secara global yang boleh menuju ke arah pembentukan satu peradaban sejagat atau universal.

Usaha yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi negara-negara membangun, pada hakikatnya sedang menganjur gagasan penyejagatan tamadun Barat yang berbahasa Inggeris sebagai sebuah tamadun universal kerana seperti yang dinyatakan tadi, jati diri dan identiti serta aspirasi sesuatu negara bangsa dan sebuah tamadun boleh dikenal pasti melalui penggunaan bahasa utamanya.

Mengikut pengkaji dan ahli fikir semasa (umpamanya S. Huntington sendiri (Op cit, 1996:318), gerakan dan gagasan ke arah penubuhan sebuah tamadun sejagat yang berasaskan sebuah tamadun yang terkuat (kini ialah Barat), merupakan satu gerakan yang amat berbahaya dan paling mencabar pada kestabilan dan keselamatan dunia dalam alaf baru ini.

S. Huntington menegaskan:

“Universalism abroad threatens the West and the world (h. 318)... [It] is dangerous to the world because it could lead to a major intercivilizational war between core states, and it is dangerous to the West because it could lead to defeat of the West (h. 311)... What is universalism to the West is imperialism to the rest”.

(hlm:184)

Mengikut S. Huntington lagi (Op cit:63), gagasan demikian sebenarnya digerakkan secara definitif oleh para pemimpin dan golongan elit negara-negara bekas jajahan kuasa barat itu. Ketika negara-negara itu bergerak ke arah kemerdekaan dan seterusnya mencapainya, kempen dan gerakan penggunaan bahasa tempatan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara dan penolakan bahasa penjajah, merupakan satu strategi para pemimpin dan golongan elitnya membezakan diri mereka daripada golongan penjajah supaya mendapat sokongan dan penerimaan rakyat jelata. Namun sesudah mencapai kemerdekaan dan negara sedang membangun, maka para pemimpin dan golongan elit itu perlu pula menonjolkan diri mereka sebagai golongan yang terdidik dan

terpandai dengan mengidentifikasikan diri pada unsur-unsur tamadun terkuat semasa, iaitu (kini tamadun Barat). Ini dilakukan melalui kefasihan dan kecekapan menggunakan bahasa tamadun Barat yang utama, iaitu bahasa Inggeris. Dengan usaha demikian mereka akan terus mendapat kedudukan dan sanjungan yang tinggi oleh rakyat jelata kerana mereka mendakwa merekalah orang-orang yang paling mampu untuk membawa negara bangsa ke arah pembangunan dan kemajuan kerana mereka ada hubungan yang erat dengan sumber dan khazanah tamadun terbesar dan terkuat semasa, iaitu tamadun Barat pada masa kini.

Pemimpin-pemimpin dan golongan elit ini akan menganjurkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi di IPT, supaya dapat melengkapkan para graduan untuk berperanan secara berkesan dalam persaingan global yang sengit bagi memperoleh modal dan pelanggan asing. Ini diperkukuhkan lagi oleh autoriti politik dan media barat. Namun pada masa yang sama masyarakat umum terutama sekali golongan bawahan dan rakyat jelata yang memiliki majoriti kuasa undi, akan menekan supaya negara terus menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa rasmi dan bahasa pendidikan tinggi kerana ketidakupayaan mereka untuk bersaing dalam menguasai bahasa Inggeris. Ini akan menimbulkan ketegangan dalam negara yang memberi peluang pula pada sentimen-sentimen perkauman, kumpulan etnik, agama, mazhab, kedaerahan dan lain-lain digembargemburkan sehingga menjadi permusuhan yang akan memuncak pada keganasan dan pertumpahan darah sesama sendiri seperti yang berlaku di Pakistan, India, dan kebanyakan negara Afrika dan Amerika Selatan bekas jajahan kuasa penjajah Eropah.

Di India (dan juga di Pakistan) seperti yang dinyatakan tadi, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa pemerintahan dan pentadbiran, telah memecahbelahkan rakyat India (dan juga Pakistan) kepada golongan elit minoriti (boleh berbahasa Inggeris) yang memerintah dan golongan majoriti rakyat jelata (tidak berbahasa Inggeris) yang diperintah, yang mengakibatkan wujudnya ketegangan dan konflik sosial yang berterusan.

Oleh yang demikian gerakan dan usaha untuk meneruskan atau mengembalikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa sains dan teknologi, dilakukan golongan elit pada masa jangka panjang, sedang menempah dan mengundang bahaya perpecahan, keretakan dan kemunduran negara bangsa, walaupun mungkin pada masa jangka pendek, manfaat segera boleh didapati.

Sesungguhnya usaha dan gerakan yang mempromosikan bahasa Inggeris atau mana-mana bekas bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi serta bahasa sains dan teknologi sesebuah negara membangun, sebenarnya merupakan gerakan yang bertentangan dengan arus perkembangan negara bangsa dan budaya masa kini.

Apabila empayar Komunis Soviet Rusia pecah, maka negara-negara bekas jajahannya yang mencapai kemerdekaan telah mengembalikan bahasa indigenus mereka sendiri sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mereka. Bahasa-bahasa Estonia, Latvia, Lithuania, Ukraine, Georgia dan Armenia telah dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara masing-masing. Dalam kalangan republik Islam pula negara-negara seperti Azerbaijan, Kyrgystan, Turkemenistan dan Uzbekistan telah menggunakan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, dan juga telah menukarkan sistem tulisan Cyrillic Rusia kepada sistem tulisan Rumi. Manakala Tajikistan pula yang secara tradisi menggunakan bahasa Farsi bukan sahaja telah mengembalikan bahasa Farsi sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan, bahkan juga telah menukarkan sistem ejaannya pada huruf Arab-Farsi. Negara Muslim Bosnia di Eropah pula telah mengembalikan penggunaan perkataan Turki dan Arab yang telah diketepikan semasa berada di bawah pemerintahan negara Yugoslavia (Huntington, *ibid.*:64).

Oleh itu kata S. Huntington lagi:

“Language is realigned and reconstructed to accord with the identities and contours of civilization (Bahasa disejajarkan dan dibentuk berselari dengan citra dan alunan naik turun peradabannya).”

(*ibid.*:64)

Pengaruh sesebuah tamadun tinggi dan besar ke atas negara-negara yang rendah tahap kemajuannya, amat kuat dan mendalam, apatah lagi jika tamadun yang besar itu pernah menakluki negara kecil itu. Keadaan begini berlaku berulang-ulang kali dalam sejarah manusia. Inilah sebenarnya agenda hegemoni Barat, iaitu untuk terus mendominasi dunia sejangat, seperti yang ditegaskan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Muhamad (2002:19):

“Globalization, as it is formulated and presented today, is an invention of the North Atlantic countries (the West), and we can take it for granted that it is intended to enrich them further and enhance their domination of the world. They already dominate the world, of course. But they want to strengthen that domination to ensure they will not be successfully challenged either by the big East Asian countries or even the weak Muslim countries”.

Gejala globalisasi yang didefinisikan sebagai keberhubungan (*interconnectedness*) aktiviti-aktiviti manusia secara global dalam aspek pengaliran modal dan buruh, teknologi dan kemahiran, pemikiran dan nilai, gaya hidup dan cita rasa, yang merentasi sempadan negara dan bangsa dengan cara yang tidak dapat dikawal rapi oleh negara bangsa itu, sedang menyejagatkan tamadun sekular Barat, iaitu tamadun yang terkuat dan paling berkuasa pada masa kini. Mereka juga mempunyai agenda hegemoni dan pendominasian sejangat seperti yang diperoleh daripada retorik dan aksi mereka yang mengisytiharkan dengan angkuh *“either you are with us or with the terrorist”*, dan melabelkan negara-negara yang tidak bersekongkol dengan mereka sebagai *“the axis of evil”*. Pengeboman besar-besaran ke atas Iraq dan seterusnya Afghanistan yang menghancurkan kerajaan Taliban termasuklah tanah airnya secara total, atas alasan ingin mengajar rejim Taliban kerana tidak mematuhi ultimatum mereka menyerahkan Usamah bin Laden, membuktikan dasar hegemoni mereka yang ketara. Demikian pengaruh dan dasar hegemoni peradaban Barat ke atas dunia sejangat, dan selagi dasar pendidikan dan pembudayaan ilmu, sains dan teknologi kita dalam acuan dan kerangka mereka dengan penggunaan bahasa Inggeris,

maka selagi itu kita akan terkongkong dalam ideologi mereka sebagai budak jajahan mereka. Oleh itu persoalan yang kritikal ialah dengan berdasarkan suasana ancaman dan tekanan daripada bahasa Inggeris yang sengit seperti demikian, apakah masih boleh dan mampu BM diperkasakan untuk menjadi sebuah bahasa dunia?

Kedudukan Bahasa Melayu Kini sebagai Sebuah Bahasa Dunia

Para ahli kajian bahasa menggariskan beberapa kriteria utama yang perlu dipenuhi oleh sebarang bahasa untuk mengangkatkannya sebagai bahasa dunia, iaitu seperti berikut (lihat: Anne-Marie de Meija, 2002, *Power, Prestige, and Bilingualism: International Perspectives on Elite Bilingual Education*. ISBN 185359590X) (en.wikipedia.org/wiki/World_languages):

1. jumlah penutur yang besar.
2. jumlah penutur bukan ibunda yang agak besar.
3. ada satu bentuk baku laras rasmi yang diajar secara meluas sebagai bahasa pertama dan bahasa asing.
4. masyarakat bahasanya merentasi pelbagai etnik atau suku kaum.
5. sebagai bahasa rasmi beberapa buah negara.
6. sebagai bahasa perdagangan dan hubungan antarabangsa.
7. sebagai bahasa organisasi antarabangsa.
8. sebagai bahasa masyarakat akademik antarabangsa.
9. ada sejumlah khazanah persuratan yang agak besar dalam pelbagai bidang ilmu.
10. dikaitkan dengan kedudukan bahasa yang berprestij.

Dengan berdasarkan 10 kriteria tadi, para ahli bahasa telah menyenaraikan sembilan bahasa sebagai tergolong dalam kelas bahasa dunia, iaitu enam bahasa rasmi Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (China, Inggeris, Perancis, Rusia, Sepanyol dan Arab) dan tiga lagi, iaitu Jerman, Hindi atau Urdu dan Portugis dengan jumlah penutur dan penyebarannya seperti dalam Jadual 1 yang berikut (lihat: en.wikipedia.org/wiki/World_language):

Jadual 1 Bahasa Utama di Dunia, Penutur dan Penyebarannya.

Jenis Bahasa	Penutur Ibunda	Jumlah Penutur	Penyebaran
China Mandarin	600 juta	1051 juta	Tanah besar China dan diaspora seluruh dunia
English	350 juta	1000 juta	Anglosfera dan seluruh dunia
Hindustani (Hindi, Urdu)	460 juta	650 juta	Benua kecil India, diaspora Hindi, Urdu seluruh dunia
Sepanyol	322 Juta	500 juta	Sepanyol, Argentina, Mexico, dan lain-lain
Arab	200 juta	300 juta	Timur Tengah dan Afrika Utara
Rusia	165 juta	280 juta	Rusia, Eropah Timur, dan lain-lain
Portugis	190 juta	230 juta	Portugal, Brazil, Angola, dan lain-lain
Jerman	100 juta	150 juta	Eropah berbahasa Jerman
Perancis	65 juta	115 juta	Perancis, Utara Afrika, dan lain-lain

Jika diteliti 10 kriteria bahasa dunia dalam Jadual 1, maka bahasa Melayu sudah memperoleh beberapa cirinya, iaitu seperti dalam senarai yang berikut:

1. Jumlah penutur BM ialah sekitar 250 juta.
2. Jumlah penutur bukan ibunda BM yang agak besar termasuk etnik Jawa, Sunda, Madura, Aceh, Minang, Batak, Banjar, Cina, India dan lain-lain.
3. BM bahasa rasmi untuk empat buah negara: Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura.
4. BM ada laras rasmi baku yang diajar sebagai bahasa pertama dan bahasa asing.

5. penutur BM tidak terhad kepada satu kumpulan etnik atau suku kaum.
6. BM digunakan sebagai bahasa perdagangan dan hubungan antarabangsa misalnya di negeri Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina, walaupun fungsi ini semakin merosot disebabkan diambil alih oleh Bahasa Inggeris (BI).
7. BM mempunyai khazanah persuratan yang agak besar dalam pelbagai bidang ilmu seperti yang terdapat di Malaysia dan Indonesia.

Namun tiga kriteria lagi sehingga kini belum dapat dipenuhi oleh BM, iaitu:

1. BM belum menjadi bahasa organisasi antarabangsa.
2. BM belum dikaitkan dengan bahasa yang berprestij di dunia.
3. BM belum menjadi bahasa masyarakat akademik antarabangsa yang digunakan dalam perhubungan antarabangsa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kegiatan.

Ketiga-ketiga syarat ini berkaitan dengan kedudukan BM di arena antarabangsa dari segi kewibawaan dan statusnya pada mata masyarakat dunia. Kewibawaan dan status sesuatu bahasa ditunjangi pula oleh kewibawaan dan status masyarakat pengguna bahasa itu, iaitu dari segi kedudukan sosioekonominya, khazanah ilmu pengetahuannya (termasuk pemenang hadiah antarabangsa misalnya *Nobel Prize*), kestabilan politik dan keutuhan budayanya, sumber penyelidikan dan pembangunannya terutama dalam bidang sains, teknologi, infrastruktur dan sebagainya.

Paul Kennedy dalam bukunya yang termasyhur *Preparing for the Twenty-first Century* (1994:334–335) setelah membuat tinjauan ke atas negara-negara di dunia secara ekstensif telah membuat kesimpulan tentang negara yang berada dalam kedudukan yang terbaik untuk terus maju dan berstatus tinggi dalam abad ke-21, iaitu:

*“Of those (countries) covered in this survey, the most likely at the moment (to be well-positioned in the twenty-first century) appear to be **Japan, Korea, and***

*certains other East Asia trading states, Germany, Switzerland, and some of the Scandinavian states, and perhaps the European Community as a whole. What they have in common, more or less, are high saving rates, impressive levels of investment in new plants and equipment, excellent educational systems (especially for those not going to college), a skilled work force and good retraining systems, a manufacturing culture with many more engineers than lawyers, a commitment to producing well-designed, high-added –value manufactures for global market, and fairly consistent trade surpluses in “visible” goods..(and) enjoy cultural homogeneity and ethnic coherence... It is obvious that the societies (or nations) which possess **technical and educational resources, ample funds, and cultural solidarity** are better positioned for the next century than those lacking all those strength”.*

Perbandingan negara maju dengan negara membangun dari segi jumlah ahli sains dan jurutera yang merupakan penggerak pada pembangunan negara dapat dilihat dengan jelas daripada perangkaan yang diberikan oleh Paul Kennedy seperti dalam Jadual 2 yang berikut (Paul Kennedy, 1994:216):

Jadual 2 Jumlah Ahli Sains dan Jurutera Setiap Sejuta Penduduk.

Negara	Jumlah
Jepun	3548
Amerika Syarikat	2685
Eropah (keseluruhan)	1632
Amerika Latin	206
Negara Arab	202
Asia (tolak Jepun)	99
Afrika	53

Tiga syarat umum yang disebutkan oleh Paul Kennedy untuk menyediakan wadah dan suasana yang membolehkan sesebuah negara melonjak ke status negara maju dan melestarikannya sangat penting diteliti dengan mendalam, iaitu:

1. memiliki sumber-sumber teknikal dan pendidikan yang sesuai.

2. memiliki solidariti budaya yang kukuh.
3. memiliki biaya atau tabungan yang mencukupi.

Pendidikan merupakan keperluan asasi bagi pembangunan sesebuah masyarakat atau negara kerana melalui pendidikan dua perkara akan dibangunkan, iaitu:

1. **ilmu pengetahuan dan teknologi**, iaitu diperlukan untuk mengerti, mengetahui, mencipta, mengolah, memproses dan meneroka perkara, benda, maklumat, fakta, dan realiti yang baharu ataupun memahami dan mengerti kembali dengan mendalam dan jelas lagi perkara-perkara yang lama, yang dengan demikian akan membawa pada pencapaian yang lebih tinggi dalam kehidupan manusia,
2. **kemahiran, kecekapan dan kemantapan daya tenaga manusia** yang membolehkan manusia menggunakan peralatan, sumber alam, sumber manusia dan sumber budaya sebaik dan seoptimum yang mungkin, yang dengan itu dapat memanfaatkan sepenuhnya dan setepatnya pembangunan ilmu dan teknologi yang dicapai tadi. Kalau sumber daya tenaga manusia ini tidak dimantapkan maka segala kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi yang dicapai itu sama ada tidak dapat digunakan seoptimumnya ataupun disalahgunakan untuk membinasakan yang lain, seperti yang dilakukan oleh Hitler demi ideologi Nazisme telah mempergunakan senjata canggih pada masa itu untuk membinasakan jutaan nyawa dan harta benda dalam Peperangan Dunia Kedua.

Ilmu pengetahuan dan teknologi boleh diterokai, dicipta, ditimba dan dicapai dalam apa bahasa sekalipun dalam kalangan bangsa manusia. Dalam sejarah kemunculan ilmu pengetahuan, pelbagai penemuan dan penciptaan baharu telah dibuat oleh pelbagai peradaban manusia dengan menggunakan pelbagai bahasa. Antaranya penciptaan alat astronomi pertama di Mesopotamia dalam bahasa Sumeria, kaedah matematik, astronomi

dan perubatan dicipta di Mesir Purba dalam bahasanya, penemuan dalam ilmu-ilmu anatomi, zoologi, botani, mineralogi, geografi, matematik, dan astronomi oleh peradaban Yunani Purba dalam bahasanya, penemuan dalam matematik, astronomi, dan metalurgi di India dalam bahasa Sanskrit, penciptaan kompas, ubat bedil, kertas dan percetakan di China dalam bahasanya, pelbagai penemuan dalam astronomi, matematik, algebra, kimia, perubatan, optik, fizik, mekanik, dan sebagainya oleh ilmuwan Muslim dalam bahasa Arab, dan pelbagai penemuan dan penciptaan baharu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan di Eropah dalam zaman Renaissance, pramoden dan moden Eropah dengan menggunakan bahasa-bahasa Eropah misalnya Latin, Sepanyol, Inggeris, Perancis, Itali, Jerman, Belanda, dan lain-lain.

Jika ditinjau senarai pemenang *Nobel Prize*, iaitu anugerah terulung dunia dalam bidang-bidang sains, kesusasteraan, ekonomi dan Keamanan, sejak 10 tahun yang lalu (1997–2007), maka kita dapati pemenang-pemennangnya terdiri daripada pelbagai bangsa dan negara, bukan terhad atau dimonopoli oleh tokoh-tokoh berbahasa Inggeris, khususnya dalam bidang fizik, kimia dan fisiologi (rujuk *Wikipedia the Free Internet Encyclopedia*), iaitu:

Jadual 3 Senarai Pemenang *Nobel Prize*

Tahun	Bidang	Nama Pemenang	
1997	Fizik	Claude Cohen Tannoudji	(Perancis)
		Jens Skon	(Denmark)
1998	Kimia	Horst Stormer	(Jerman)
	Fizik	Daniel Tsui	(China)
1999	Fizik	Gerardis 't Hooft	(Belanda)
		Martinus Veltman	(Belanda)
	Kimia	Ahmad Zewail	(Mesir)
	Fizik	Zhores Alferov	(Rusia)

Tahun	Bidang	Nama Pemenang	
2000	Fisiologi	Herbert Kroemer	(Jerman)
		Arvid Carlsson	(Sweden)
2001	Fizik	Wolfgang Ketterie	(Jerman)
	Kimia	Ryoiji Noyori	(Jepun)
2002	Fizik	Masatoshi Koshibo	(Jepun)
	Kimia	Koichi Tanaka	(Jepun)
		Kurt Wiethrich	(Switzerland)
2003	Fizik	Alexei Abrikosov	(Rusia)
		Vitaly Ginzburg	(Rusia)
2005	Fizik	Theodor Hansch	(Jerman)
	Kimia	Yves Chauvin	(Perancis)
2007	Fizik	Albert Fert	(Perancis)
		Peter Grunberg	(Jerman)
	Kimia	Gerhard Ertl	(Jerman)
		Fisiologi	Mario Capecchi

Ringkasnya penerokaan, penemuan dan penulisan ilmu pengetahuan dan segala penciptaan dan penemuan baharu telah dilakukan dalam pelbagai bahasa manusia, dan kita boleh menimba dan memperolehnya daripada pelbagai bahasa itu. Namun penyampaian, pengajaran, dan pembudayaan ilmu pengetahuan itu kepada anak bangsa dan rakyat jelata bagi setiap negara bangsa agar dapat difahami, dihayati dan digunakannya secara meluas dan praktikal dalam kehidupan mereka telah dilakukan dalam bahasa indigenus atau peribumi, bahasa tempatan atau bahasa kebangsaan negara bangsa itu sendiri. Suasana ini berlaku di semua negara maju, baik di Eropah, di Amerika Utara mahupun di Asia Timur. Oleh sebab dengan penggunaan bahasa tempatan atau indigenus sendiri maka segala ilmu


pengetahuan, sains dan teknologi dapat dimengerti, diguna, dan dibudayakan sepenuhnya secara meluas di kalangan rakyat jelatanya. Dengan demikian dapat membangunkan sumber daya tenaga manusia yang cekap, mahir dan berpendidikan secara menyeluruh di dalam negara bangsa itu. Seperti kata Mathew B. Ward seorang pegawai ekspatriat di Taiwan:

“Saya perhati bahawa kejayaan ekonomi abad ke-20 bagi Jerman, Jepun dan Taiwan tidak menggunakan pengantar bahasa Inggeris dalam pengajaran, manakala banyak negara yang berbuat demikian (misalnya Filipina, Nigeria, India) masih tinggal miskin. Laporan kajian linguistik dan pendidikan banyak menyokong gagasan bahawa kanak-kanak menguasai ilmu pengetahuan lebih cekap dalam bahasa indigenusnya sendiri. Oleh itu saya mencadangkan agar kanak-kanak dibenarkan berbuat demikian [belajar ilmu dalam bahasa indigenusnya], kerana kejayaan ekonomi adalah lebih penting daripada kejayaan bahasa Inggeris”.

(Asiaweek, 20–27 August, 1999:10) (terjemahan oleh penulis)


Jelaslah dalam negara-negara maju kini yang menjadi pengantar ilmu pengetahuan, pendidikan dan pembudayaan sains dan teknologi kepada rakyat jelatanya ialah bahasa indigenus atau bahasa tempatannya sendiri. Dengan demikian ilmu pengetahuan dan taraf pendidikan tersebar secara meluas dalam kalangan rakyat jelatanya yang mampu membangunkan golongan kelas menengah sebagai majoriti penduduknya.

Struktur masyarakat negara maju berbentuk berlian seperti Rajah 1, iaitu golongan atasan dan golongan rendah yang kecil, manakala golongan menengahnya yang berpendidikan merupakan majoriti rakyat jelata, iaitu yang menjadi tonggak daya tenaga mahir negara dan juga penyuaran hati budinya (*social conscience*) yang lantang dan bertenaga yang mampu memperkasakan masyarakat. Oleh yang demikian golongan kelas menengah menjadi tonggak pembangunan mana-mana negara menuju ke arah status negara maju.



Rajah 1 Struktur Masyarakat Negara Maju.

Struktur penduduk negara yang sedang membangun atau mundur berbentuk piramid seperti dalam Rajah 2, iaitu golongan atas dan menengah yang kecil, manakala golongan bawahan merupakan majoriti, iaitu yang rendah taraf pendidikan, ilmu pengetahuan, kemahiran daya tenaga pekerja dan kelas sosialnya yang dengan itu tidak berupaya menggerakkan pembangunan negara dan memperkasa masyarakatnya, bahkan menjadi beban dan risiko yang berat pada kemajuan, kestabilan dan pembangunan negara.



Rajah 2 Struktur Masyarakat Negara Membangun atau Mundur.

Suasana ini berlaku di mana-mana sahaja di negara membangun atau mundur sama ada di benua Asia, Afrika ataupun Amerika Selatan dan Amerika Latin. Golongan kelas bawahan yang besar menjadi beban pada negara kerana boleh menimbulkan ketidakstabilan sosial akibat daripada kadar pengangguran yang tinggi, guna tenaga dan produktiviti yang tidak optimum, pendapatan dan gaya hidup yang meleset, ketegangan kelas dan konflik sosial yang berpanjangan, seperti yang berlaku di India, Pakistan, Filipina, Bangladesh dan negara-negara di Afrika dan Amerika Selatan.

Di negara Malaysia kini, prasarana pendidikan terutama sekali pasca persekolahan, iaitu peringkat diploma dan ijazah sedang giat dibangunkan. Kini terdapat 20 buah institut pendidikan tinggi awam (IPTA) yang menampung kira-kira 251 720 pelajar, iaitu ijazah 223 968, sarjana 30 300 dan PhD 8752. Manakala institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) berjumlah 515 pada tahun 2006 dengan enrolmen pelajar berjumlah kira-kira 323 787, iaitu hampir 100 000 pelajar melebihi jumlah pelajar di IPTA. Jumlah keseluruhan pelajar di IPT ialah 547 755 pelajar termasuk juga pelajar asing.

Namun apa yang menjadi isu dan cabaran yang besar dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah bukan dari segi kepesatan pertumbuhannya, tetapi dari segi bahasa pengantar pengajarannya, iaitu penggunaan bahasa Inggeris yang meningkat di IPTA terutama sekali dalam kursus berasaskan sains dan teknologi dan penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya di IPTS. Berdasarkan perangkaan IPTA dan IPTS yang disebut tadi, sebahagian besarnya akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran. Jelaslah bahawa pembudayaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, iaitu bidang yang kritikal dalam pembentukan pembangunan negara dan tradisi ilmu dan peradaban akan dilakukan dalam bahasa Inggeris, bukan bahasa tempatan atau indigenus. Ini akan menimbulkan implikasi dan kesan yang besar ke atas kedudukan BM dan sosioekonomi rakyat jelata Malaysia seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Faktor Solidariti Budaya yang Kukuh

Syarat yang kedua yang disebutkan oleh Paul Kennedy untuk menyediakan wadah dan suasana yang membolehkan sesebuah negara melonjak ke status negara maju dan melestarikan kemajuannya ialah solidariti budaya yang kukuh. Satu daripada elemen yang mampu membina solidariti budaya sesebuah negara bangsa ialah struktur demografi yang dibentuk oleh satu kumpulan bangsa, etnik atau keturunan yang dominan.

Kalau ditinjau dalam kalangan negara maju di dunia kini, secara umumnya negara demikian mempunyai penduduk yang agak homogen, antaranya:

Jadual 3 Peratusan Struktur Demografi Negara Maju di Dunia.

Negara	Peratus	Struktur Demografi
Amerika Syarikat	80%	golongan kulit putih
United Kingdom	92%	golongan kulit putih
Perancis	92.5%	golongan kulit putih
Jerman	81%	golongan kulit putih
Itali	95%	golongan kulit putih
Spain	89%	golongan kulit putih
Switzerland	90%	golongan kulit putih
Rusia	80%	golongan kulit putih Rusia
Australia	90%	golongan kulit putih
New Zealand	78%	golongan kulit putih
Jepun	99%	bangsa Jepun
Korea Selatan	98%	bangsa Korea
Taiwan	98%	bangsa China
Republik Rakyat China	92%	bangsa China Han
Singapura	75.2%	bangsa China

(Wikipedia Free Internet Encyclopedia)

Walaupun golongan kulit putih mempunyai pelbagai bangsa atau etnik, tetapi secara umumnya mereka mampu menyemai dan memupuk perasaan solidariti dan semangat *esprit de corps* berdasarkan warna kulit yang serupa, misalnya di Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan lain-lain. Negara Switzerland walaupun mempunyai empat kumpulan etnik dan empat bahasa kebangsaan yang utama, iaitu Jerman 62.7%, Perancis 20.4%, Itali 6.5% dan Romansh 0.5%, namun sebagai satu dasar bahasa yang dikuatkuasakan, iaitu setiap warga negara mesti menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa, yang menjadikan mereka penutur bilingual serentak mampu membina solidariti budaya. Tambahan pula keempat-empat kumpulan etnik itu merupakan golongan kulit putih. Oleh itu golongan ini masih mampu menempa perasaan dan semangat kekitaan atau *esprit de corps* yang padu melalui warna kulit dan perwatakan Eropah yang hampir sama. Bagi negara-negara maju di Timur, iaitu Jepun, Korea, Taiwan serta Singapura, satu kumpulan bangsa atau etnik yang utama mendominasinya, iaitu bangsa Jepun di Jepun, Korea di Korea, China di Taiwan dan Singapura. Ini juga membolehkan negara-negara itu membina solidariti budaya yang kukuh.

Bagaimana dengan suasana kependudukan di negara Malaysia? Struktur demografi di Malaysia menunjukkan bahawa negara ini merupakan sebuah negara yang bersifat heterogen, iaitu ketiadaan satu golongan etnik yang dominan, iaitu 70% ke atas melebihi yang lain, tidak seperti dalam negara-negara maju yang disebutkan tadi. Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2006 ialah 26.6 juta, dengan struktur demografi seperti yang berikut:

Jadual 4 Peratusan Penduduk Malaysia dari Segi Etnik.

Etnik	Peratus
Bumiputera	65% (Melayu, Iban, Kadazan-Dusun, Bajau, dan lain-lain)
Cina	26%
India	8%
Lain-lain	1%
Jumlah	100%

Jadual 5 Peratusan Penduduk Malaysia dari Segi Agama.

Agama	Peratus
Islam	60.4%
Buddha	19.2%
Kristian	9.1%
Hindu	6.3%
Cina tradisional	2.6%
Lain-lain	2.4%
Jumlah	100%

(Wikipedia Free Internet Encyclopedia)

Negara yang bersifat heterogen dengan jumlah penduduk yang bersifat jamak etnik, budaya, bahasa dan agama amat sukar untuk membentuk satu keadaan solidariti budaya yang menjadi satu daripada tiga syarat utama untuk menyediakan wadah pembangunan ke arah negara maju. Bahkan kepelbagaian etnik, budaya, bahasa dan agama yang besar demikian mempunyai potensi yang tinggi pula untuk mencetuskan ketegangan dan konflik sosial berasaskan perkauman, agama dan budaya. Contohnya, rusuhan perkauman 13 Mei 1969, parti politik berasaskan kaum, (UMNO, MCA, MIC), sekolah kebangsaan (Melayu), sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, dan akhbar Melayu, Cina dan Tamil, yang mengukuh dan meneruskan amalan perbezaan kaum dan budaya. Kemunculan beberapa isu dan perasaan ketidakpuasan yang ditujukan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang didominasi oleh parti Melayu, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO seperti guna kuasa dalam kerajaan dan badan kehakiman, inflasi, jenayah, hak istimewa Bumiputera yang dianggap menguntungkan golongan tertentu sahaja dan meminggirkan golongan yang lain, isu penukaran agama, dan lain-lain.

Semua kejadian dan insiden seperti yang dinyatakan akan menjejaskan dengan seriusnya perpaduan rakyat dan tentu sekali menjadi penghalang pada pembentukan solidariti budaya Malaysia yang akan menjadi pemangkin pada pembinaan sebuah negara maju seperti yang disebutkan oleh Paul Kennedy itu.

Oleh itu soalan yang paling kritikal kini ialah apakah usaha yang boleh kita lakukan untuk membina satu asas yang kukuh bagi membentuk soldariti budaya yang kuat demi menjadi pemangkin pada pembinaan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam abad ke-21 ini? Untuk menjawab soalan ini kita mesti mencari apakah satu-satunya milik sepunya negara bangsa Malaysia yang boleh dijadikan asas atau teras pembinaan keutuhan budaya kita? Jawapannya tidak lain dan tidak bukan ialah bahasa kebangsaan Malaysia, iaitu bahasa Melayu yang satu-satunya dipunyai bersama oleh semua warga negara Malaysia. Bahasa Melayu telah berjaya dijadikan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan, bahasa pentadbiran dan bahasa ilmu tinggi sejak tahun 1987 apabila pengendalian semua kursus dalam semua bidang di sekolah, kolej dan universiti awam dilakukan sepenuhnya dalam bahasa Melayu pada semua tahap, termasuklah Syarahan Perdana bagi pengukuhan jawatan Profesor. Sejak pelaksanaan sepenuhnya dasar bahasa kebangsaan itu selama 20 tahun yang lalu, maka telah terbina satu generasi rakyat jelata Malaysia yang fasih menggunakan bahasa Melayu. Dalam wawancara, ceramah, ucapan dan forum di TV, radio dan majlis-majlis rasmi seperti Parlimen, Dewan Undangan Negeri, dan sebagainya, kita dapat saksikan betapa rakyat Malaysia daripada berbilang kaum dan lapisan masyarakat terutama sekali golongan muda, secara umumnya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan fasihnya.

Oleh yang demikian menjadi satu tanggungjawab dan amanat bersama bagi kita semua untuk mengolah strategi dan langkah-langkah bagi mengembalikan dan melestarikan kewibawaan dan status bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan, ilmu, sains,

teknologi, pembangunan negara, penyatuan, jati diri dan pemupuk semangat *esprit de corps* dan patriotisme dalam kalangan masyarakat dan rakyat jelata Malaysia.

Bahasa Melayu sebagai Asas Pembentukan Solidariti Budaya Rakyat Malaysia dan Pemangkin Pembinaan Negara Maju

Fungsi bahasa bukan setakat menjadi alat komunikasi, tetapi bahasa juga amat besar perannya dalam membentuk jati diri, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*), perpaduan dan maruah masyarakat penuturnya, mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasanya dan ketinggian adab susilanya, iaitu asas dan unsur yang utama dalam pembentukan sesebuah peradaban.

Bahasa juga menjadi alat pencatat, perakam, penimbun, penyebar dan pewaris khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sesuatu masyarakat dan bangsa dari generasi ke generasi, iaitu seperti kata S. Huntington bahawa bahasa disejajarkan semula dan direkonstruksi supaya selari dengan citra dan alunan naik turun peradabannya.

Kebudayaan dan bahasa amat rapat hubungannya kerana bukan sahaja bahasa merupakan satu elemen budaya tetapi bahasa juga mencatat, mendukung, menghimpun, mencerminkan, mewariskan dan melangsungkan elemen-elemen budaya sesebuah masyarakat. Madah dalam bahasa Melayu bahawa “Bahasa jiwa bangsa, bahasa menunjukkan bangsa” membayangkan hakikat ini. Bahasa tidak akan pupus selagi ada masyarakat dan budayanya yang menggunakan bahasa itu, tetapi sebaliknya apabila bahasa itu tidak digunakan lagi maka budaya dan masyarakatnya akan pupus, iaitu dari segi citra dan identitinya, dan kumpulan manusia itu akan menyerapkan budaya lain dari masyarakat lain, misalnya orang-orang Hawaii dan Maori yang telah mengambil bahasa Inggeris dan budaya Inggeris sepenuhnya, dan sedikit demi sedikit melunturkan bahasa dan budaya indigenus mereka sendiri.

Teori Sapir-Whorf (Edward Sapir (1884–1939) dan Benjamin Lee Whorf (1897–1941)) menyatakan bahawa bahasa menentukan cara kita berfikir (*linguistic determinism*) dan perbezaan sistem pengekodan dalam sesuatu bahasa tidak akan didapati dalam bahasa yang lain (*linguistic relativism*). Sapir menyatakan bahawa struktur semantik bahasa yang dituturkan oleh seseorang telah ditentukan atau dibatasi oleh cara-cara dan juga keadaan di mana mereka membentuk pandangan dunia di tempat mereka hidup. Alam persekitaran dan keadaan dunia tempat manusia hidup seperti topologi, cuaca, fauna dan flora, jenis pekerjaan dan penyaraan hidup, dan segala elemen budaya amat kuat menentukan pembentukan dan penggunaan bahasa dari segi kosa kata, bentuk dan struktur tatabahasa, semantik dan sebagainya. Bahasa Inggeris dan bahasa Arab mempunyai sistem kala, jantina, jamak, dan infleksi (akusatif, subjektif, posesif) yang amat rumit, yang tidak ketara atau tiada dalam bahasa Melayu.

Bahasa juga amat rapat dengan pemikiran dan hati budi sesebuah masyarakat. Masyarakat yang maju dari segi peradabannya, iaitu yang mempunyai sistem politik, pemerintahan, ekonomi, pentadbiran, perundangan, pertahanan, pendidikan, ilmu, sains, teknologi, dan komunikasi yang canggih, mempunyai sistem bahasa dan persuratan yang tinggi dan canggih juga. Bahasa merupakan wadah dan wahana peradaban, dan peradaban dicorakkan dan diwarnai oleh sistem bahasa dan persuratannya. Segala kandungan dan elemen peradaban dapat difahami dan dibudayakan ke dalam masyarakatnya melalui bahasa indigenusnya yang dapat difahami dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh rakyat jelatanya. Suasana dan keadaan alam pemikiran dan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat sangat rapat kaitannya dengan keadaan bahasanya.

Oleh yang demikian penggunaan bahasa indigenus atau bahasa tempatan sendiri sebagai wadah dan wahana ilmu pengetahuan, sains, teknologi, pendidikan, persuratan dan pentadbiran negara dapat mengolah, membentuk dan mewarnakan seluruh pencapaian, kemajuan dan ketinggian peradabannya dalam acuan budaya tempatan sendiri. Ini akan

membina kekuatan dalaman dan keyakinan diri yang mampu memupuk pula jati diri, maruah dan rasa kebanggaan pada elemen budaya dan masyarakat kita sendiri. Inilah bibit-bibit yang akan dapat membina semangat kekitaan atau *esprit de corps* dan patriotisme di kalangan rakyat jelata yang boleh menuju ke arah pembentukan keutuhan atau solidariti masyarakat dan budayanya, demi pembangunan ke arah negara maju. Inilah peranan yang mesti dan boleh dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, sains, teknologi dan bahasa penyatuan rakyat dan negara Malaysia.

Memperkasakan Masyarakat dan negara Malaysia melalui Bahasa Melayu

Masyarakat dan warga negara Malaysia yang berbilang kaum, kumpulan etnik, budaya, agama dan bahasa tidak mungkin dapat membentuk satu kebudayaan kebangsaan Malaysia yang homogen, seperti yang cuba dianjurkan oleh satu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1970 hasil daripada Seminar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. Badan itu telah mengusulkan tiga dasar asasi untuk mengolah Kebudayaan Kebangsaan Malaysia, iaitu:

1. berdasarkan unsur indigenus atau peribumi, iaitu Melayu dan kaum Bumiputera yang lain sambil menyerap unsur positif non-indigenus,
2. berteraskan bahasa kebangsaan Malaysia, dan
3. berasaskan nilai-nilai Islam.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu gagal untuk membentuk satu kebudayaan kebangsaan Malaysia yang utuh, kerana mengikut kata Datuk Dr. Hassan Ahmad (1999, bab 10, nota 16), golongan bukan Melayu telah menolaknya sejak permulaan dasar itu diolah. Oleh itu mengikut beliau lagi, kerajaan telah membentuk satu lagi badan, iaitu Majlis Penasihat Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1996 untuk meninjau kembali konsep

kebudayaan kebangsaan berpandukan Wawasan 2020, yang bercita-cita untuk membentuk sebuah negara bangsa Malaysia yang maju.

Dalam Wawasan 2020, konsep satu negara bangsa mempunyai makna yang dalam kerana ia bermaksud sebuah negara berdaulat yang rakyatnya tidak dapat diidentifikasi melalui kaum, keturunan atau warna kulit. Pembentukan satu negara bangsa mengikut Wawasan 2020, menjadi prasyarat pada kemajuan kerana tanpa rakyatnya mempunyai satu perasaan kepunyaan bersama sebagai satu negara dan bangsa, sebarang bentuk kerjasama untuk maju tidak akan terjalin. Bagi mengisi konsep ini istilah seperti perpaduan negara, kesetiaan pada negara, keharmonian dan toleransi antara kaum menjadi fokus penekanannya, bukan lagi pada satu kebudayaan kebangsaan yang utuh. Oleh itu mengikut Datuk Dr. Hassan Ahmad lagi, satu gagasan baru telah dikemukakan, iaitu “gagasan Kebudayaan Negara” menggantikan konsep Kebudayaan Kebangsaan, iaitu ciri-ciri kebudayaan itu dikaitkan dengan kenegaraan Malaysia bukan dikaitkan dengan bangsa atau kaum tertentu.

Negara bangsa Malaysia yang maju mengikut Wawasan 2020, mempunyai ciri-ciri dan matlamat yang berikut, iaitu berdasarkan sembilan cabarannya:

- Bangsa Malaysia yang bersatu
- Masyarakat yang merdeka, kuat dan yakin diri
- Masyarakat yang demokratik secara matang
- Masyarakat yang berakhlak, beretika dan teguh agama
- Masyarakat yang matang dan bertoleransi
- Masyarakat saintifik yang progresif
- Masyarakat yang kaya dengan nilai murni dan sifat penyayang
- Masyarakat yang saksama dari segi pencapaian ekonomi
- Masyarakat yang makmur

Ada dua perkara yang akan diteliti daripada ciri dan matlamat negara bangsa maju yang hendak dicapai oleh Wawasan 2020. Pertama, dalam gagasan Wawasan 2020 fokus pembangunan ialah pembentukan negara bangsa Malaysia berdasarkan ciri-ciri masyarakat, bukan berdasarkan ciri bangsa atau kaum tertentu. Oleh itu tidak timbul persoalan tentang pembinaan kebudayaan kebangsaan yang utuh, tetapi pembinaan masyarakat yang bercirikan sembilan sifat asasi itu, iaitu negara bangsa yang rakyatnya tidak dapat diidentifikasi melalui kaum, keturunan atau warna kulit.

Gagasan demikian sememangnya sesuai dan serasi dengan suasana negara bangsa Malaysia yang heterogen, iaitu jamak bangsa, suku kaum, keturunan, budaya dan agama, yang mustahil untuk dibentuk satu kebudayaan kebangsaan yang utuh.

Namun soalan yang penting, iaitu yang merupakan perkara kedua yang hendak dibahaskan tentang gagasan Wawasan 2020 itu ialah apakah medium, saluran dan pengantar bagi pembentukan sebuah negara bangsa yang bersatu? Perdana Menteri pada masa itu yang mengusulkan Wawasan 2020, telah menyenaraikan perkara-perkara berikut sebagai asas membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu (Mahathir Muhamad, 1991, *Malaysia: The Way Forward*, 22):

1. Satu destini yang dirasai sepunya dan dikongsi bersama
2. Satu bangsa yang aman di dalamnya
3. Berintegriti dari segi wilayah dan suku kaum
4. Hidup berharmoni sebagai rakan kongsi dan saksama
5. Taat setia yang tidak berbelah bagi dari segi politik dan dedikasi terhadap negara

(Terjemahan oleh penulis)

Sekali lagi soalan yang sama boleh dibangkitkan, iaitu apakah saluran, medium dan pengantar yang hendak digunakan untuk menjadi wahana dan wacana pengucapan, pengungkapan dan penyebaran unsur-unsur yang digariskan itu, iaitu

1. gagasan dan idea sepunya,
2. asas integrasi dan saling persefahaman antara wilayah dan kaum,
3. asas dan pengantar usaha membudayakan sains dan teknologi kepada rakyat jelata supaya menjadi masyarakat yang saintifik dan progresif,
4. asas menyampaikan dan memupuk nilai akhlak, etika dan budi bahasa yang santun supaya masyarakat kaya dengan nilai murni dan sifat penyayang,
5. pembangunan ekonomi dan modal insan yang saksama dan menyeluruh di segenap lapisan masyarakat di seluruh negara supaya masyarakat menjadi makmur.

Kalau ditinjau di seluruh negara maju di dunia baik di Barat mahupun di Timur, maka asas, saluran, medium dan perantara bahasa bagi penyampaian, pemupukan, pengungkapan, pengucapan, penyebaran dan pengukuhan perkara-perkara yang dinyatakan tadi adalah dengan perantaraan bahasa indigenus atau bahasa peribumi mereka sendiri. Ini ialah satu lumrah alam seperti yang ditegaskan oleh pepatah Melayu “Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”. Untuk keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran seseorang atau satu kumpulan manusia yang mendiami satu penempatan, perkampungan, perbandaran, negeri dan wilayah, mereka mesti menyesuaikan diri dengan landskap alam sekitar dan budaya persekitaran mereka. Dari segi alam sekitar mereka mesti menyesuaikan diri dengan iklim, cuaca, topografi, fauna dan flora di persekitarannya untuk hidup dengan selamat dan sejahtera. Dari segi budaya, mereka mesti menyesuaikan diri dengan peraturan, adat istiadat, undang-undang, dan bahasa pertuturan tempatan itu demi keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran mereka.

Oleh itu untuk menyampaikan gagasan dan idea sepunya, mengeratkan integrasi dan saling persefahaman antara wilayah dan kaum, membudayakan sains dan teknologi kepada rakyat jelata supaya menjadi masyarakat yang saintifik dan progresif, menyampaikan dan memupuk nilai akhlak, etika dan budi bahasa yang santun supaya masyarakat kaya dengan nilai murni dan sifat penyayang, dan membangunkan ekonomi dan modal insan yang saksama dan menyeluruh di segenap lapisan masyarakat di seluruh negara supaya masyarakat menjadi makmur, maka tidak ada jalan lain melainkan saluran dan mediumnya mesti disampaikan dalam bahasa indigenus atau bahasa peribumi atau bahasa kebangsaannya sendiri. Bagi negara bangsa Malaysia yang telah mengisytiharkan dan melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan dan bahasa perpaduan nasional dengan berjayanya sejak 20 tahun yang lalu (1987), maka saluran bahasanya untuk menyampaikan kesemua perkara yang dinyatakan itu, hanya dengan menggunakan bahasa Melayu.

Pemilihan bahasa Inggeris untuk membudayakan semua perkara itu didorong oleh pemikiran golongan elit yang menginginkan manfaat dan keuntungan dalam masa yang singkat atau segera, tanpa memikirkan keretakan dan perpecahan yang boleh berlaku dalam kalangan rakyat jelata Malaysia yang berbilang kaum, budaya, agama dan bahasa pada masa hadapan. Telah muncul satu persepsi atau satu perasaan dalam kalangan pemimpin dan golongan elit masyarakat bahawa untuk cepat membangun dan maju seperti negara-negara di Amerika Utara, Eropah, Australia dan New Zealand maka strategi yang paling cepat adalah memanfaatkan khazanah ilmu, sains, teknologi dan perdagangan yang ada dalam negara maju itu secara langsung dan segera. Oleh sebab semua khazanah ilmu demikian tercatat, tersimpan dan tersebar dalam bahasa Inggeris, maka strategi yang paling rasional dan praktikal adalah mempelajari, menguasai, mengembang dan menyebarkan ilmu-ilmu itu dalam bahasa Inggeris juga.

Andaian kejayaan demikian boleh disamakan dengan kejayaan perniagaan francais makanan segera seperti McDonald, Kentucky Fried Chicken, Pizza Hut dan lain-lain yang pesat dilaksanakan di seluruh dunia. Andaian demikian menganggap bahawa sumber tenaga manusia tidak lebih daripada bahan-bahan makanan segera yang boleh diolah, diuli, diadun dan dikeluarkan secara produksi massa (*mass-production*) tanpa mengambil kira maruah, martabat, keperibadian dan hati budi manusia dan masyarakatnya.

Persepsi dan perasaan demikian sebenarnya bukanlah berdasarkan hasil kajian yang konkrit, tetapi kebanyakannya berdasarkan pengalaman pemimpin sendiri dan golongan elit itu dan juga realiti kemajuan dan pembangunan negara-negara itu di persada dunia sekian lama, seperti kata Holborow (1999:56–57):

“[...] the dominance of English today is the continuation of a process started in the earliest days of capitalism, deepened by the expansion of the British Empire and given further impetus by the commanding position of the American capitalism in this century [...]”

(Hashim Haji Musa dan Mohd Rashid Mohd Saad, 2005)

Strategi Memperkasakan Bahasa Melayu

Tidak syak lagi kedudukan dan kewibawaan bahasa Melayu kini sebagai bahasa pengantar pendidikan dan ilmu tinggi sedang tercabar dengan sengitnya apabila bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar matematik dan sains di sekolah, dan bahasa pengantar pendidikan sepenuhnya di IPTS dan juga dengan kadar yang meningkat di IPTA. Perancangan dan usaha yang gigih perlu dilakukan segera untuk membendung lonjakan pengaruh dan kewibawaan bahasa Inggeris yang begitu kuat dengan mengembalikan martabat, kewibawaan dan keyakinan pada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi di Malaysia dan juga sebagai satu daripada bahasa dunia yang utama.

Berikut disenaraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat menjadikan BM sebagai bahasa dunia, yang mengandungi beberapa strategi, iaitu (1) untuk

mengatasi masalah sikap negatif terhadap keupayaan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai pengantar sains, teknologi dan pendidikan tinggi, (2) membina budaya ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa Melayu sehingga ke perbatasan terkedepan dalam penerokaan ilmunya, (3) mengantarabangsakan Bahasa Melayu, dan (4) mempercepat penguasaan bahasa utama dunia untuk tujuan khusus.

1. Mengatasi masalah sikap negatif terhadap keupayaan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai pengantar sains, teknologi dan pendidikan tinggi melalui:
 - a) mengadakan kempen, konvensyen dan syarahan umum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa oleh kerajaan dan juga badan-badan swadaya supaya semua pihak terutamanya mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh dan juga rakyat jelata dapat menyedari betapa pentingnya menjamin dan memastikan kedudukan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita dan sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dikekalkan dan ditingkatkan dengan mengembalikan pengajaran sains dan matematik dalam BM, demi perpaduan negara, bangsa dan rakyat jelata, demi jati diri dan pemeraksanaan masyarakatnya dan demi wibawa antarabangsanya.
 - b) melibatkan secara aktif dan produktif dalam kalangan perancang ekonomi negara, ahli perniagaan dan industri yang utama, ahli sains terkemuka, para ketua IPT yang terkemuka, dan sebagainya dalam pengurusan, perancangan dan pelaksanaan Bahasa Melayu. Ini memerlukan wibawa kepimpinan negara (*political will*).

2. Membina budaya ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa Melayu sehingga ke perbatasan terkedepan dalam penerokaan ilmunya melalui:

- a) Peruntukan kewangan dana yang semaksimum dalam bentuk belanjawan kerajaan dan sumbangan daripada pihak sektor swasta sebagai usaha memenuhi tanggungjawab sosial, hendaklah diwujudkan untuk menggalakkan pengkaryaan dalam segala bidang ilmu termasuk sains dan teknologi dalam bahasa Melayu, sama ada karya asli mahupun terjemahan; dan segala peruntukan kewangan itu hendaklah dianggap sebagai pelaburan untuk membangunkan bidang ilmu dan sumber manusia jangka panjang, bukan sebagai pelaburan komersial jangka pendek yang dikira berapa untung dan ruginya.
- b) Dengan wujudnya dana dan peruntukan kewangan yang mencukupi, maka skim penggalakan dan insentif yang menarik hendaklah ditawarkan kepada para ilmuwan dan ahli sains untuk menulis dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu buku dan artikel ilmiah dan profesional dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- c) Menubuhkan sebuah Majlis Buku Ilmiah Bahasa Melayu Kebangsaan dan Antarabangsa (*National and International Malay Academic Books Council*) yang bertanggungjawab terus kepada Menteri Pendidikan Tinggi dengan tugas-tugas antaranya seperti yang berikut:
 - (i) merancang dan melaksanakan penghasilan, penulisan, penterjemahan, penyebaran, penggalakan, penggunaan dan penilaian buku-buku dan bahan-bahan rujukan dalam pelbagai media dalam semua bidang sains, teknologi dan ilmu pengetahuan peringkat tinggi. Majlis ini harus ada pakar dan ahli bahasa serta penterjemah yang bertugas khusus untuk meneliti dan menilai penerbitan-penerbitan penting dari seluruh dunia dalam bidang masing-masing, dan seterusnya merancang dan menyelaraskan

- penterjemahan, penulisan, percetakan dan penyebaran serta penggunaannya dalam kalangan komuniti para sarjana dan profesional di dalam dan di luar negara.
- (ii) menubuhkan perhubungan, jaringan dan kerjasama akademik dengan institusi-institusi, pusat-pusat penyelidikan, penerbitan buku dan jurnal dan perpustakaan yang terkemuka di seluruh dunia untuk mengemaskinikan pengetahuan dalam semua bidang sains dan teknologi ke tahap "*state of the art*", dan seterusnya untuk meneroka ke tahap terkedepan perbatasan ilmu pengetahuan. Perjanjian persefahaman dan kontrak boleh dibuat dengan penerbit-penerbit jurnal dan buku terkemuka supaya proses penterjemahan yang serentak dengan penerbitannya dapat dilakukan.
 - (iii) menubuhkan kerjasama yang erat dengan Indonesia, Brunei dan Singapura berdasarkan keperluan dan tanggungjawab bersama untuk memajukan bahasa Melayu, iaitu Bahasa Kebangsaan bagi keempat-empat negara yang mempunyai jumlah penutur lebih daripada 250 juta manusia, supaya meningkatkan penerbitan, penyebaran dan penggunaan bahan-bahan rujukan pelbagai media dalam semua bidang ilmu sains dan teknologi di keempat-empat buah negara, dan menggalakkan pengaliran bahan-bahan itu sebebaskan-bebasnya antara negara-negara itu.
 - (iv) menubuhkan hubungan dan kerjasama yang erat dalam bentuk penyelidikan, penerbitan, pengalaman, penyebaran dan promosi tentang semua perkara yang berkaitan dengan bahasa, sastera, budaya, sains, teknologi, perindustrian, perdagangan, perhubungan antarabangsa dan diplomasi dengan negara-negara dan institusi

seluruh dunia yang mempunyai tradisi pengajian Melayu dan komuniti Melayu, misalnya Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Kampuchea, Sri Langka, Afrika Selatan, Australia, Belanda, England, Surinam, Jepun, Korea, China, dan lain-lain, dengan tujuan untuk memperteguh dan menyebarkan bahasa Melayu, kebudayaan Melayu dan segala bentuk khazanah ilmu dan persuratan Melayu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

3. Mengadakan gerakan promosi yang gigih, agresif dan meyakinkan untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) mengambil alih bahasa Inggeris memandangkan bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur terbesar dalam ASEAN, dan juga sebagai satu bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang digunakan dalam sidang-sidangnya atas dasar bahasa Melayu ialah bahasa keempat terbesar di dunia dari segi jumlah penuturnya,
4. Penubuhan beberapa buah Akademi Pembelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Moden Wilayah yang dilengkapi dengan segala kepakaran dan peralatan canggih dengan staf yang profesional untuk melatih anak bangsa Malaysia secara intensif penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa moden yang lain ke taraf yang paling tinggi untuk kumpulan tertentu bagi melaksanakan tugas-tugas khusus misalnya penimbaan ilmu dan pemindahan teknologi tinggi, perdagangan antarabangsa, diplomasi dan hubungan antarabangsa, persidangan dan bengkel antarabangsa dan sebagainya.

Kesimpulan

Kesimpulannya dengan melihat banyak hasil kajian, pendapat ahli akademik, para ilmuwan dan peramal masa depan, maka dengan tegasnya kita menyatakan bahawa penyampaian ilmu pengetahuan dalam bahasa indigenus atau tempatan penduduknya, demi kecekapan pembelajarannya, pembinaan daya sumber manusia rakyat jelata, pemupukan jati diri dan perpaduan negara bangsa dan pemerksaan rakyat jelatanya, dan pada masa yang sama mengadakan program pengajaran bahasa utama dunia (Inggeris, Jerman, Perancis, China, Jepun, Arab) yang cekap demi pemerolehan dan penimbaan ilmu pengetahuan, teknologi, perdagangan dan diplomasi antarabangsa.

Sememangnya setiap negara dan bangsa mesti berusaha untuk meningkatkan daya juang, daya saing, daya tahan, daya kreatif dan kecemerlangan bangsa dan rakyat jelatanya dalam persada antarabangsa supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi dan boleh bersaing dengan negara-negara utama di dunia. Untuk mencapai matlamat ini seluruh sumber daya tenaga manusia rakyatnya harus digerakkan (bukan hanya segelintir golongan elit) melalui pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam bahasa rakyat jelata sendiri bukannya satu bahasa asing. Inilah yang berlaku di negara-negara maju di Barat termasuk negara-negara Eropah dan juga di Jepun, Korea dan Taiwan. Langkah dan strategi demikian amat perlu untuk memperkasakan masyarakat dan rakyat jelatanya secara menyeluruh dan saksama.

Gagasan yang menganjurkan supaya pendidikan tinggi, sains dan teknologi disampaikan dalam bahasa Inggeris didorong oleh sama ada fahaman pragmatik yang keterlaluan yang hanya mementingkan faedah segera bagi golongan elit dalam jangka masa pendek tanpa memikirkan keretakan, perpecahan dan kemunduran rakyat jelata yang boleh berlaku dalam jangka masa panjang, ataupun didorong oleh minda kerdil (*small minds*) yang tidak ada keyakinan diri pada ciri-ciri budaya kita sendiri dalam pembangunan dan pembinaan sebuah negara bangsa dan peradaban negara dalam acuan kita sendiri.

Bahawasanya bahasa indigenus atau tempatan sendirilah yang merupakan penapis dan penangkis yang kebal untuk melawan badai negatif globalisasi yang boleh menghancurkan nilai-nilai tradisi yang murni, dan juga merupakan unsur yang kental untuk menyemai rasa kekitaan, keakraban, kemesraan dan kasih sayang sesama penuturnya demi perpaduan, keharmonian dan kestabilan negara bangsa dan pemerakaan masyarakatnya. Bahawasanya bahasa indigenus atau tempatan merupakan satu elemen utama yang mengungkap dan menunjangi pembangunan dan kemajuan sesuatu masyarakat dan negara bangsa dalam acuannya sendiri yang akan menjamin kestabilan, ketekalan, keperkasaan dan kelangsungannya.

Bibliografi

- Abdullah Hassan, 1987. *Isu-Isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1996. "Pendidikan dan Patriotisme Malaysia" dlm. Asraf (ed.), *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Akta Pendidikan*, 1996. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Asmah Hj Omar, 1992. *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf (ed.), 1996. *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Barnett, Jeffery, R., 1994. "Exclusion as National Security Policy", *Parameters*, 24 (Spring 1994), 54.
- Barnett, J., and John Cavanagh, 1994. *Global Dreams: Imperial Corporations and the New World Order*. New York: Touchstone Books.
- Braudel, F., 1993. *A History of Civilizations*. New York: Penguin Books.
- Coulmas, F. (ed.), 1991. *A Language Policy for the European Community*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Drucker, Peter, 1994. *Post-Capitalist Society*. New York: HarperCollins.
- Hashim bin Haji Musa, 1997. *Pengintelektualan dan Pemaparan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan dan Penyekapan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua*. Kuala Lumpur: Laporan Kajian IRPA.
- Hashim bin Haji Musa, 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah pembentukan sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim bin Haji Musa, 2002. *Agenda Melayu: Ke Arah Pembinaan Peradaban Melayu Bertaraf Dunia Alaf Ketiga*. Petaling Jaya: INMIND.
- Hashim Haji Musa dan Mohd Rashid Bin Mohd Saad, 2005. Suara Hati Guru Matematik dalam Pelaksanaan Polisi Bahasa Inggeris dalam Subjek Sains dan Matematik: Satu Tinjauan Ringkas. Kertas kerja dalam SKALI 2005, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hashim Haji Musa, 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Ahmad, 1997. "Dasar bahasa kebangsaan dan cabarannya" dlm. Nik Safiah Katim dan Nuwairi Khaza'ai 1997, *Bahasa Melayu dalam Cabaran: Kumpulan Syarahan Raja Ali Haji 1991–1997*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Hassan Ahmad, 1999. *The Language Policy of Malaysia*. Tesis PhD Leiden University.

Holborow, M., 1999. *The Politics of English*. London: Sage Publications.

Huntington, S., 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon and Schuster.

Kennedy, Paul, 1989. *Rise and Fall of the Great Powers*. New York: Vintage Books.

Kennedy, Paul, 1993. *Preparing for the Twenty-First Century*. New York : Vintage Books.

Mahathir Mohamad, 2002. *Globalisation and the New Realities*, Putra Jaya: Pelanduk Publications.

Shaharir Mohd Zain, 1996. *Pembangunan Sains dan Teknologi di Malaysia Menerusi Bahasa Melayu*, Syarahan Raja Ali Haji. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.